

**KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN SURAU
DI DALAM KOMPLEKS PERNIAGAAN
DI KUALA LUMPUR**

DISEDIAKAN OLEH

**ZULIANI BINTI TAMIN
(95275772)**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Bandar dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

Mac 1998

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya, Kajian Terhadap Keperluan Surau Di Dalam Kompleks Pemiagaan ini dapat disiapkan bagi memenuhi syarat untuk memperolehi Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia kajian ini iaitu Puan Puziah Bte Ahmad kerana telah memberikan penduan dan bimbingan kepada saya untuk menyediakan kajian ini. Selain dari itu, ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyediaan kajian ini.

Rakaman penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak-pihak pengurusan dari Pertama Kompleks, Kompleks Pernas Sogo, BB Plaza, Plaza Warisan dan UDA Ocean yang telah banyak membantu dalam memberikan maklumat dan kerjasama untuk saya menjalankan kajian ini.

Kepada ibu dan ayah serta keluarga yang disayangi yang telah banyak memberikan sepenuh sokongan, perhatian dan pengorbanan sepanjang pengajian saya selama ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Untuk rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi cabaran di dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar, terima kasih diucapkan di atas bantuan anda.

Sekian

Yang Benar,

Zuliani Binti Tamin

95275772

ABSTRAK

Penyediaan surau di dalam kompleks perniagaan merupakan salah satu daripada kemudahan utama yang di dalam memenuhi kehendak pengguna. Penyediaannya dalam bentuk dan keadaan yang sempurna haruslah dibuat kerana ianya melibatkan kepenggunaan oleh orang ramai. Masalah pengabaian terhadap surau-surau yang dibina di dalam kompleks perniagaan ini sering berlaku kerana tiadanya penguatkuasaan terhadap pihak-pihak yang berkenaan supaya menjaga imej surau sesuai dengan statusnya sebagai tempat beribadat. Masalah pengabaian berlaku dalam pelbagai bentuk seperti lokasi, keluasan, kemudahan dan kebersihan yang tidak memuaskan. Melalui kajian ini penekanan akan diberikan kepada aspek penyediaan dan penyelenggaraan surau oleh pihak-pihak pengurusan garispanduan dan masalah-masalah utama di dalam surau-surau di kompleks. Setelah menjalankan analisis, penemuan isu dan masalah akan dirumuskan untuk membentuk strategi dan cadangan untuk pihak pengurusan kompleks dan pihak berkuasa tempatan dalam menyelesaikan segala masalah yang timbul. Adalah diharapkan dengan kajian ini akan dapat mengenalpasti punca berlakunya masalah ini sekaligus memberikan cadangan yang bersesuaian di dalam menyelesaiakannya.

| | |
|----------------|-----|
| Penghargaan | |
| Abstrak | ii |
| Senarai Jadual | iii |
| Senarai Rajah | iv |

| | |
|------------------|-------------------|
| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|------------------|-------------------|

| |
|--------------------------|
| BAB 1 PENDAHULUAN |
|--------------------------|

| | |
|--|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Kenyataan Masalah | 3 |
| 1.3 Tujuan Kajian | 4 |
| 1.4 Objektif Kajian | 4 |
| 1.5 Skop Kajian | 4 |
| 1.6 Kaedah Penyelidikan | 5 |
| 1.6.1 Kaedah Pemerhatian | 6 |
| 1.6.2 Kaedah Soal Selidik Menggunakan Borang | 6 |
| 1.6.3 Mendapatkan Maklumat Daripada Jabatan Yang Berkaitan | 6 |
| 1.6.4 Membuat Rujukan | 6 |
| 1.7 Methodologi Kajian | 7 |
| 1.7.1 Peringkat Pertama | 7 |
| 1.7.2 Peringkat Kedua | 7 |
| 1.7.3 Peringkat Ketiga | 7 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kompleks perniagaan merupakan salah satu bentuk perniagaan secara besar-besaran di mana di dalamnya terdapat berbagai bentuk premis perniagaan dengan aset-aset yang berbeza kerana kepelbagaian jenis barang yang boleh didapati di situ. Aktiviti perniagaannya dijalankan di dalam sebuah bangunan yang besar dan berhawa dingin yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sampingan untuk memastikan pelanggan-pelanggan dapat menikmati suasana membeli-belah yang selesa. Antara kemudahan yang disediakan di dalam kompleks membeli belah adalah seperti berhawa dingin, muzik, troli, eskalator, tandas, tempat duduk, medan selera, telefon awam, tempat letak kereta, mesin *Auto Teller* dan yang paling perlu dititikberatkan adalah kemudahan beribadat iaitu surau.

Penyediaan surau di dalam kompleks perniagaan ini adalah perlu kerana Islam membolehkan umatnya melakukan sembahyang di mana-mana tempat di atas muka bumi asalkan tempat itu bersih dan suci. Lebih penting lagi sembahyang itu adalah wajib ke atas umat Islam yang akil baligh dan tidak uzur.